



**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak gagal mengetepikan perintah injunksi mareva yang diperoleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya bagi menghalangnya daripada melupus atau mengurangkan nilai mana-mana asetnya di Malaysia sehingga AS\$681 juta.

Injunksi Mareva adalah perintah sementara yang menghalang mana-mana defendan daripada melupuskan aset sehingga keputusan dicapai dalam kes membatik plaintif dan defendan.

Dalam prosiding semalam, Hakim Mahkamah Tinggi Atan Mustaffa Yusof Ahmad membuat keputusan menolak permohonan Najib untuk mengetepikan perintah injunksi mareva itu.

Atan Mustaffa yang membacakan keputusan ringkasnya, berkata kes plaintif (1MDB dan anak syarikatnya) ialah Najib mempunyai aset dalam bidang kuasa, di mana terdapat risiko aset itu dikeluarkan atau dilepaskan sebelum kes saman membatik kedua-dua belah pihak diputuskan mahkamah.

Menurut hakim itu, 1MDB mematuhi peraturan Perintah 21(2A) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, iaitu memenuhi kewajiban untuk membuat pendedahan penuh kepada mahkamah ketika mengemukakan permohonan injuksi mareva secara *ex parte* (sebelah pihak).

Katanya, 1MDB menunjukkan kes yang baik terhadap Najib berhubung setiap tindakannya, antaranya selaku pengarah bayangan (tidak dilantik secara rasmi), Najib bertanggungjawab secara fidusiari kepada 1MDB seperti pengarah rasmi, termasuk bertindak dengan suci hati, jujur dan tidak mendahulukan kepentingan peribadi berbanding kepentingan syarikat.

Katanya, menurut 1MDB, Najib bagaimanapun melanggar kewajiban itu dengan mengalihkan dana, terutama melesapkan AS\$681 juta daripada bon berjumlah AS\$3 bilion ke dalam akaun peribadinya.

Pada 8 Februari tahun lalu, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan *ex-parte* bagi injunksi mareva oleh 1MDB dan Global Diversified Investment Company Limited (dahulunya dikenali sebagai 1MDB Global Investments Limited) iaitu plaintif pertama dan kelima dalam saman terhadap Najib dan beberapa individu lain.

Injunksi itu turut menghadkan Najib mengeluarkan wang tidak melebihi RM100,000 sebulan yang diperlukan untuk perbelanjaan sara hidup serta guaman namun sekiranya jumlah lebih banyak diperlukan, beliau perlu mendapat kebenaran bertulis daripada peguam 1MDB dan Global Diversified.